

LAPORAN TAHUNAN EDISI 2020




JABATAN PERKHIDMATAN
VETERINAR SARAWAK

KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN,
TANAH ADAT DAN PEMBANGUNAN WILAYAH



eISSN 2785-8553



9 7727 8585 5007



*An
Honour To Serve*



*Bersatu Berusaha
Berbakti*





JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang dapat diterbitkan semula atau digunakan dalam bentuk apa pun dengan cara apa sekalipun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau oleh sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis dari penerbit.

2021 | HAK CIPTA JPVS.



dedikasi



SALAM SARAWAKKU SAYANG

*Buat warga JPVS teristimewa.
Terima kasih atas segala peluang
dan kerjasama anda yang
tak pernah padam.*

*Juga kepada semua ahli keluarga
kami yang tercinta. Sokongan dan
dorongan kalian akan tetap
dikenang.*

*Jutaan terima kasih kepada
YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Selaku Timbalan Ketua Menteri
Sarawak*

*Menteri Kewangan II, dan
Setiausaha tetap Kementerian
Pemodenan Pertanian, Tanah Adat
dan Pembangunan Wilayah di atas
segala sokongan yang diberikan.*

TERIMA KASIH ATAS SEGALANYA



Isi
Kandungan



PENDAHULUAN		BAB 01
Amanat Timbalan Ketua Menteri (MANRED)	2	
Perutusan Setiausaha Tetap (MANRED)	4	
Perutusan Pengarah Veterinar Negeri	6	
Perutusan Timbalan-Timbalan Pengarah Jasamu Tetap Dikenang	8 12	
Perutusan Ketua Bahagian, Cawangan & Seskyen Visi & Misi	13 23	
Carta Organisasi	24	
Peranan & Fungsi JPVS	26	
Nilai Teras Jabatan	27	
Objektif Strategik Jabatan	28	
Piagam Pelanggan	29	
Latar Belakang Sejarah Penubuhan JPVS	30	
LAPORAN BAHAGIAN, CAWANGAN DAN SEKSYEN IBU PEJABAT		BAB 02
Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan	36	
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan	58	
Bahagian Komersialisasi Dan Khidmat Sokongan	66	
Bahagian Kesihatan Haiwan	82	
Bahagian Kesihatan Awam Veterinar	102	
Bahagian Regulatori	110	
Cawangan Penguatkuasaan	112	
Seksyen Pentadbiran Dan Sumber Manusia	114	
Seksyen Kewangan Dan Akaun	116	
LAPORAN PEJABAT BAHAGIAN DAN MAKMAL VETERINAR NEGERI		BAB 03
Bahagian Kuching	120	
Bahagian Samarahan	142	
Bahagian Serian	152	
Bahagian Sri Aman	160	
Bahagian Betong	172	
Bahagian Sarikei	180	
Bahagian Sibul	186	
Bahagian Kapit	196	
Bahagian Mukah	202	
Bahagian Bintulu	210	
Bahagian Miri	222	
Bahagian Limbang	236	
Makmal Veterinar Negeri	248	
PENGGULUNGAN		BAB 04
Sidang Editorial	259	
Sekalung Budi	260	
Galeri JPVS 2020	263	



A diamond
doesn't start out polished and shining. It
once was nothing special, but with
enough pressure and time,
becomes spectacular.

DVS SARAWAK
IS THAT DIAMOND.





PENDAHULUAN BAB 01



Amanat

YANG BERHORMAT DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS


TIMBALAN KETUA MENTERI
MENTERI KEWANGAN II
MENTERI PEMODENAN PERTANIAN, TANAH ADAT DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH, SARAWAK

Salam mesra pembuka kata. Salam sejahtera kepada semua. Sekalung tahniah dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) di atas kejayaan dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Edisi 2020 ini.

Saya percaya penerbitan sesebuah buku memerlukan kerjasama yang erat dari semua warga jabatan. Penerbitan buku menjadi satu wadah yang menjadi diari sesebuah organisasi sepanjang tahun berkenaan. Satu kenyataan yang jelas tersirat dalam penerbitan sesebuah buku ialah semangat kerjasama dan komitmen sepanjang proses menghasilkan buku tersebut.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan dan amat berbangga terhadap segala usaha-usaha yang telah disumbangkan oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pembikinan buku ini. Semoga semangat berpasukan seperti ini akan terus memacu kejayaan yang lebih tinggi di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



**YANG BERHORMAT
DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS**



Perutusan

YANG BERBAHAGIA ENCIK EDWIN ABIT


SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN,
TANAH ADAT DAN PEMBANGUNAN WILAYAH


Salam Ibu Pertiwiku, marilah kita mengucapkan kesyukuran kerana tanpa limpah dan kurnia serta keizinan-Nya, impian untuk menyempurnakan buku laporan tahunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi 2020 ini berjaya direalisasikan.

Saya amat menghargai peluang yang diberikan oleh jabatan untuk memenuhi ruang ucapan dalam buku ini justeru ingin menzahirkan ribuan terima kasih kepada jabatan. Syabas juga diucapkan kepada semua yang terbabit dalam usaha menjayakan penghasilan buku ini. Saya yakin bahawa penghasilan buku ini berkemampuan memberi impak yang positif terhadap orang awam kerana ia merangkumi komponen-komponen penting untuk perkembangan ekonomi. Saya berharap pihak jabatan akan terus berdedikasi, konsisten dan komited dalam penerbitan buku seperti ini.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku laporan tahunan jabatan ini. Semoga usaha dan semangat ini kekal berterusan dalam menempuhi hari-hari yang mendatang.

Sekian, terima kasih.




**YANG BERBAHAGIA
ENCIK EDWIN ABIT**



Perutusan

YANG BERUSAHA DR. ADRIAN SUSIN AMBUD

PENGARAH
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SARAWAK

Salam sejahtera, syabas dan tahniah diucapkan kepada sidang ridaksi Buku Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) Edisi 2020. Ini adalah hasil daripada usaha semua kakitangan jabatan yang bertungkus lumus Menggembleng tenaga dalam menjayakan dan merealisasikan penerbitan buku ini. Ribuan terima kasih kepada pasukan editorial yang banyak menyumbangkan Idea dan memberi komitmen penuh dalam pembikinan buku ini.

Penerbitan buku ini merupakan usaha yang penting dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak. Oleh yang demikian kerana melalui percetakan dan penerbitan buku laporan tahunan inilah orang awam akan lebih memahami dan mendalami fungsi dan peranan jabatan, aktiviti dan program Yang dilaksanakan, dan kejayaan yang telah dicapai oleh jabatan serta

berkongsi maklumat berkaitan dengan industri ternakan dan perkhidmatan veterinar. Saya menghargai sumbangan penyumbang industri dan staf JPVS dalam merelisasikan matlmot jabatan untuk meningkatkan nilai industri ternakan yang berjumlah RM1.8 Bilion pada tahun 2020 dengan nilai eksport RM290 juta.

Akhir kata, semoga WARGA VETERINAR SARAWAK akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam meneraju sebuah organisasi yang bermutu. Sekian, terima kasih.



YANG BERUSAHA
DR. ADRIAN SUSIN AMBUD




Perutusan

YANG BERUSAHA DR. STEPHEN GABRIEL

TIMBALAN PENGARAH
KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN

Negara Malaysia telah digemparkan dengan laporan kes positif penyakit *Selesema Babi* atau *African Swine Fever (ASF)* di rantau Asia pada tahun 2018. Ekoran daripada penularan penyakit ASF di negeri Sabah baru-baru ini, Jabatan telah mengambil langkah dan tindakan untuk menghalang penyakit ini dari merebak ke Sarawak dengan melaksanakan program kesedaran dan operasi kawalan. Sekiranya penyakit ASF ini tidak dibendung, impaknya kepada pengeluaran ternakan di Sarawak amatlah besar. Bagi program kawalan penyakit rabies, jabatan telah melaksanakan Beberapa aktiviti kawalan, termasuk program vaksinasi, kesedaran awam, surveilan, penguatkuasaan, dan pengurusan kes gigitan. Sejumlah 33 kes positif rabies dalam kalangan manusia dengan 31 kematian dicatatkan sejak tahun 2017. Pihak jabatan juga sentiasa peka dalam melaksanakan program kawalan penyakit haiwan kebangsaan seperti *Foot and Mouth Disease (FMD)*, *Avian Influenza (AI)*, *Brucellosis*, *Salmonellosis*, *Bovine Spongiform Encephalopathy (Mad Cow Disease)* dan lain-lain. Sektor ini juga bertanggungjawab dan mentadbir urus tiga bahagian utama iaitu, Bahagian Kesihatan Haiwan, Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, dan Bahagian Regulatori dalam memastikan peranan dan fungsi sektor ini berjalan dengan lancar.

Akhir kata, tahniah kepada seluruh warga veterinar diatas usaha anda semua di tahun 2020. Semoga semangat juang anda dikekalkan dan dipertingkatkan untuk kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.



**YANG BERUSAHA
DR. STEPHEN GABRIEL**



Perutusan

YANG BERUSAHA DR. SAJEM JINIM

TIMBALAN PENGARAH
PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

Saya berbesar hati dan syabas diucapkan kerana Buku Laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi 2020 berjaya diterbitkan. Sektor penternakan bertindak sebagai bahagian yang merancang, menyelaras dan melaksana program pembangunan industri penternakan berasaskan ternakan bagi meningkatkan produktiviti dan berdaya saing. Sektor ini juga bertindak sebagai pembimbing kepada penternak ke arah pembangunan ladang atau permis ternakan untuk persijilan ternakan. Selain itu, saya berbesar hati ke atas peningkatan status SSL dalam Sarawak yang secara tidak langsung memajukan sektor ternakan di Sarawak. Pemantauan dari Ibu Pejabat JPVS akan dibuat dari secara berkala bagi memastikan projek ternakan penternak membuahkan hasil dan memberi keuntungan kepada mereka.

JPVS juga telah melahirkan ramai penternak berjaya dengan pengenalan kepada skim-skim ternakan, program transformasi luar bandar, yang telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan serta membantu untuk menjana ekonomi penduduk di Sarawak.

Akhir kata, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan dan amat berbesar hati terhadap segala usaha-usaha yang telah disumbangkan oleh semua pihak yang terlibat. Semoga semangat berpasukan seperti ini akan terus memacu kejayaan yang lebih tinggi di masa akan datang. Sekian, terima kasih.



**YANG BERUSAHA
DR. SAJEM JINIM**

Jasamu Tetap Dikenang

STATE VETERINARY AUTHORITY (SVA)



**YANG BERUSAHA
DR. STEPHEN GABRIEL
(2014 – 2016)**



**YANG BERUSAHA
DR. HUMRAWALI HAZID AHMAD KHAN
(2010 – 2013)**



**YANG BERUSAHA
DR. CHIN VEI CHING
(2008 – 2009)**



**YANG BERUSAHA
DR. SIA CHIK HONG
(2001 – 2007)**



**YANG BERUSAHA
DATO' DR. HSIUNG KWO YEUN
(1991 – 2001)**



**YANG BERUSAHA
DR. ONG SHAK FOO
(1965 – 1991)**



PERUTUSAN

KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH

Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
Bahagian Komersialisasi Dan Khidmat Sokongan
Bahagian Kesihatan Haiwan
Bahagian Kesihatan Awam Veterinar
Bahagian Regulatori
Cawangan Penguatkuasaan

PENOLONG PENGARAH

Seksyen Pentadbiran Dan Sumber Manusia
Seksyen Kewangan Dan Akaun

KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN
DR. SAJEM JINIM



Salam sejahtera dan salam Ibu Pertiwiku.

Tahniah saya ucapkan kepada sidang editorial di atas kejayaan anda dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Edisi 2020. Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan bertindak untuk merancang, menyelaraskan serta melaksanakan program-program pembangunan industri ternakan lembu/kerbau dan kambing/bebiri. Dalam pada itu, bahagian ini turut memberi khidmat teknikal dan kepakaran dalam industri pedaging, mengagihkan baka-baka ternakan lembu/kerbau dan kambing/bebiri melalui Program Penternakan Rakyat (PPR) Ruminan. Pengusaha industri ruminan dibimbing dan dipantau ke arah pengamalan kaedah perladangan yang baik agar ladang bersih dan selamat untuk haiwan ternakan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DR. WILLIAM ROVINA NATING



Salam sejahtera dan salam Sarawakku Sayang.

Syukur kepada yang Maha Esa ke atas penerbitan Buku Laporan Tahunan JPVS Edisi Tahun 2020. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan diwujudkan dalam Jabatan untuk merancang dan menyelaraskan keberkesanan program dan projek pembangunan ternakan serta Memantau pelaksanaan program pembangunan ternakan yang dijalankan di peringkat Jabatan. Bahagian ini turut menjalankan penyelidikan dalam program dan projek pembangunan utama, kesihatan haiwan & zoonotik, teknologi diagnostik, vaksin & biologik, pembiakan & agro-biodiversiti, pemakanan haiwan & agronomi, menilai dan menyediakan maklumat utama ternakan. Di samping itu, bertindak sebagai Sekretariat Jawatankuasa Pemandu Strategik dan Pemantauan Projek Jabatan bagi memastikan Jabatan memberi input dan output dengan impak yang terkini serta relevan dengan kehendak industri ternakan masa kini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah ke atas penerbitan buku laporan tahunan ini dan memberi ruang kepada saya untuk mengucap sepatah dua kata.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KOMERSIALISASI DAN KHIDMAT SOKONGAN
MATHEW JENANG



Selamat sejahtera kepada semua,

Saya bersyukur ke atas kejayaan penerbitan Buku Laporan Tahunan JPVS Edisi Tahun 2020 dan terima kasih kepada Jawatankuasa Editorial di atas bantuan yang diberikan. Bahagian ini bertindak sebagai perancang dan menjadi peneraju utama dalam latihan yang inovatif dan kreatif, akreditasi, hubungan korporat serta pengembangan bidang veterinar supaya sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memastikan penambahbaikan dibuat secara berterusan dan dipertingkatkan. Dalam pada itu, Bahagian ini juga menetapkan, mengkaji, dan mengemas kini bahagian keselamatan dan kualiti makanan untuk memastikan rantai bekalan makanan sentiasa mematuhi garis panduan antarabangsa. Memperkukuhkan dasar keselamatan makanan seperti pemeriksaan makanan yang telus dan teliti serta memastikan keselamatan makanan. Mewujudkan hubungan kerjasama yang berkesan antara agensi dari dalam dan luar negara dalam mencapai objektif yang sama. Akhir kata, selamat maju jaya kepada WARGA VETERINAR SARAWAK!

SEKIAN, TERIMA KASIH.

KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KESIHATAN HAIWAN
DR. ANDREA LIM LI LI



Salam Ibu Pertiwiku,

Tahniah dan syabas ke atas penerbitan Buku Laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi Tahun 2020. Rabies telah menyerang Sarawak pada pertengahan tahun 2017 yang lepas dan kita masih giat berusaha cuba untuk menangani penyakit tersebut dengan menjalankan program surveilan, pemvaksinan anti-rabies dan pembasmian anjing-anjing liar. JPVS juga menerap konsep *One Health* di mana pihak kami berkerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kesihatan, Majlis Bandaraya, Sarawak Forestry Corporation dan talian TALIKHIDMAT dalam penyiasatan kes gigitan haiwan. Di samping itu, Jabatan menjalankan surveilan penyakit haiwan kebangsaan bagi mengelakkan penyakit dari haiwan yang eksotik, zoonotik dan yang berkepentingan ekonomi seperti Penyakit Kuku dan Mulut, Avian Influenza dan African Swine Fever dari merebak dalam Sarawak. Walau bagaimanapun, JPVS akan sentiasa berwaspada dan mengambil tindakan yang wajar untuk memastikan keselamatan penduduk dan ekonomi Sarawak terjaga. Tulus ikhlas dan syabas dari Bahagian Kesihatan Haiwan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KESIHATAN AWAM VETERINAR
DR. NICHOLAS JENEK



Salam sejahtera dan salam Sarawakku Sayang,

Terima kasih dan syukur ke atas penerbitan Buku Laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi bagi Tahun 2020. Untuk Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, kes Rabies telah meningkat begitu juga dengan kes kematian yang melibatkan Rabies. Hal ini begitu membimbangkan kerana bilangan kematian meningkat berbanding tahun-tahun lalu. Akan tetapi, pihak Jabatan tetap akan menjalankan program suntikan anti-rabies secara besar-besaran walaupun kita dilanda bencana penyakit pandemik COVID-19. Lain daripada itu, Jabatan menggalakkan pengusaha ladang ternakan, premis perladangan walit, loji pemprosesan dan rumah penyembelihan menyertai Skim Pensijilan Jabatan (MyGAP). Perkukuhan penerapan sistem kualiti di peringkat Jabatan dan industri ternakan dan hasil haiwan serta menyediakan perkhidmatan analisis makmal bagi menyokong program-program Jabatan dalam menjamin kesihatan ternakan dan kesihatan awam. Syabas!

SEKIAN, TERIMA KASIH.

KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN REGULATORI
DR. CHUO HOCK TIENG



Salam Ibu pertiwiku,

Bersyukur kepada Tuhan atas limpah kurnia-Nya buku laporan tahunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi 2020 berjaya diterbitkan. Bahagian Regulatori menyaksikan peningkatan yang ketara dalam aktiviti kawal selia import dan eksport. Peningkatan sebanyak 138% dalam pengeluaran permit import dan eksport di mana 10,565 permit dikeluarkan pada tahun 2019 berbanding 25,130 permit pada tahun 2020. Lonjakan ini disumbangkan oleh peningkatan penggunaan aplikasi atas talian ePermit untuk permohonan permit yang telah diperluaskan ke seluruh Sarawak. Selain daripada itu, kerja-kerja penambahbaikan sistem permohonan lesen-lesen sedang di dalam perancangan bagi memudahkan, mengurangkan masa dan proses permohonan perkhidmatan yang berkaitan dengan lebih telus. Jutaan ucapan terima kasih ke atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak bagi melancarkan proses kerja Bahagian Regulatori bagi mencapai visi dan misi jabatan untuk menjadi *An Advance Livestock Industry By 2030*.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

KETUA PENOLONG PENGARAH
CAWANGAN PENGUATKUASAAN
CHIA CHEOK HUA



Salam perpaduan kepada warga veterinar,

Cawangan Penguatkuasaan Veterinar merupakan bahagian yang amat penting dan penuh cabarannya. Sejak penubuhan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak pada 25 Januari 2017, Undang-undang yang dikuatkuasakan adalah seperti Akta Doktor Bedah Veterinar 1974, Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Makanan 1985, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, Akta Makanan Haiwan 2009 dan Akta Kebajikan Haiwan 2015. Hasil kerjasama pelbagai bahagian telah mencapai kejayaan yang amat cemerlang pada tahun 2020 terutamanya dari aspek pungutan hasil dari kompaun sebanyak RM538,500.00. Selain itu, pungutan hasil dari pelesenan permit import/eksport juga meningkat secara drastik. Pembanterasan Rabies dan kawalan import ke atas daging haiwan sejuk beku merupakan cabaran pada masa kini dan akan datang. Justeru itu, kita perlu menanam sikap yang proaktif, berintegriti dan sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran dalam bidang penguatkuasaan. Syabas!

SEKIAN, TERIMA KASIH.

PENOLONG PENGARAH
SEKSYEN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
HANIF BIN HANAPI



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya membawa Jabatan ke satu tahap yang kita boleh banggakan. Saya juga ingin menyampaikan sejuta penghargaan kepada warga Jabatan yang bertungkus lumus dalam melaksanakan tugas. Tahun 2020 adalah tahun yang mencabar bagi setiap orang berikutan tercetusnya pandemik COVID-19. Kesannya, pelbagai perancangan yang dibuat oleh Seksyen ini terpaksa diolah semula agar mengikut kesesuaian norma baharu. Fleksibiliti yang tinggi serta keinginan mempelajari pengetahuan dan kemahiran baharu dalam kalangan warga Seksyen ini haruslah dipuji kerana ia sangat membantu dalam mengadaptasikan diri dalam norma baharu. Akhir kata, seluruh warga Jabatan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas masing-masing. Diharap agar semua warga Jabatan untuk terus berusaha dengan gigih dan mencapai tahap perkhidmatan *World Class Service*. (Jumlah staff 256 orang, pelbagai gred adalah 307 jumlah jawatan)

SEKIAN, TERIMA KASIH.

PENOLONG PENGARAH
SEKSYEN KEWANGAN DAN AKAUN
HANNAH IMELDA FREDRICK



Salam Sejahtera dan Salam 1 Veterinar,

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan syabas atas penerbitan Buku Laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi Tahun 2020. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada Seksyen Kewangan dan Akaun di Ibu Pejabat dalam melancarkan segala urusan kewangan dan akaun sepanjang tahun 2020. Walaupun pelbagai cabaran dan norma baharu yang perlu kita patuhi sepanjang tahun 2020 berikutan wabak Covid-19, namun warga Veterinar termasuk ahli-ahli Seksyen Kewangan dan Akaun tetap berdedikasi dan memberi komitmen tertinggi dalam mencapai visi dan misi Jabatan. Akhir kata, harapan saya agar seluruh warga Veterinar terutamanya yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan akaun agar terus bersedia untuk memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan dengan cemerlang dan sentiasa mematuhi peraturan kewangan agar pengurusan akan lebih cekap, berkesan dan meningkatkan prestasi kewangan Jabatan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



VISI

Industri Penternakan Maju Menjelang 2030.

An Advanced Livestock Industry By 2030.

MISI


Mentransformasikan Industri Ternakan Kearah

Industri Yang Berdaya Saing Dan Mampan.


Transforming The Livestock Industry Into

A Competitive And Sustainable Industry.

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN TERTINGGI



PERANAN DAN FUNGSI

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

PERANAN

Memajukan Kegiatan Sosio-ekonomi Ternakan & Komoditi

Menjaga Serta Melindungi Kesihatan Awam Veterinar

Meningkatkan Pengawasan Kesihatan Haiwan

Memelihara Pematuhan Ordinan Yang Berkesan

FUNGSI

Mengawal, Mencegah Dan Menghapuskan
Penyakit Haiwan Dan Zoonotik

Pengawasan Import Dan Eksport Ternakan
Dan Hasilan Ternakan

Menjalankan Pemeriksaan Veterinar
Dan Penguatkuasaan Veterinar

Pembangunan Industri Ternakan, Pembangunan
Veterinar Dan Latihan

Penyelidikan Ternakan Dan
Khidmat Nasihat

NILAI TERAS JABATAN

Ini adalah kepercayaan asas dan prinsip Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak yang membantu Jabatan ini dalam menjalankan kewajipan. Nilai - nilai teras ini membantu Jabatan untuk menentukan hala tuju dalam mencapai VISI dan MISI Jabatan.

INTEGRITI

Kualiti untuk sentiasa bersikap amanah, jujur dan mempunyai prinsip moral yang tinggi.

SIKAP BAIK HATI & EMPATI

Sentiasa bersikap baik dalam setiap perkara yang dilakukan, toleransi, kasih sayang, cinta, dan empati terhadap orang atau haiwan yang menderita kesakitan.

PROFESIONALISME

Menerapkan kualiti, kemahiran, kecekapan, dan tingkah laku yang tinggi oleh semua staf jabatan di tempat kerja.

PANTAS & BERPENDIRIAN

Merupakan dorongan dalaman dan keinginan untuk meneruskan pekerjaan dengan efektif dan pantas serta mempunyai pendirian memperakui organisasi.

SEMANGAT BERPASUKAN

Perasaan bangga dan setia dalam kumpulan kerja untuk mencapai kecemerlangan bersama.

PRODUKTIF & BERMATLAMAT

Konsisten memberikan hasil yang diinginkan dan mematuhi piawaian kualiti kerja yang tinggi, produktif, mematuhi arahan, dan mengekalkan fokus agensi.



OBJEKTIF STRATEGIK JPVS

Kecemerlangan Dalam Pembangunan
Industri Ternakan

Kecemerlangan Dalam Kesihatan
Veterinar Dan Pematuhan

Kecemerlangan Dalam Khidmat
Sokongan Dan Pengembangan Veterinar



PIAGAM PELANGGAN

1. Perkhidmatan Veterinar yang Produktif dan Proaktif mengikut temujanji dan jadual yang tepat.
2. Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan dibuat dalam tempoh 3 hari dari tarikh pendaftaran.
3. Perkhidmatan Rawatan Haiwan akan dilayan dalam tempoh 1 jam manakala di lapangan dalam tempoh 24 jam.
4. Khidmat Nasihat untuk projek ternakan akan diselesaikan dan diberi maklum balas dalam 7 hari dari tarikh permohonan.
5. Permohonan Lesen dan Permit, kebenaran dan kelulusan akan dilayan dalam tempoh 48 jam.

LATAR BELAKANG SEJARAH PENUBUHAN



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

Perkhidmatan Veterinar Sarawak bermula sebagai sebuah cawangan di Jabatan Pertanian Sarawak pada tahun 1953, iaitu Cawangan Penternakan. Cawangan Penternakan menjalankan beberapa tugas penting untuk meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ternakan dan kebajikan haiwan. Dengan jumlah staf yang sangat terhad program atau aktiviti yang dijalankan adalah terhad kepada;

1. Program Pembangunan Ternakan seperti:
 - a. AHIS (*Animal Husbandry Improvement Scheme*) - Skim Penambahbaikan Penternakan Khas Untuk Ternakan Ruminan
 - b. PIS (*Poultry Improvement Scheme*) - Skim Peningkatan Ternakan Ayam
 - c. APIS (*Assistant Pig Improvement Scheme*) - Skim Bantuan Ternakan Babi
 - d. YELP (*Youth Entrepreneurship Livestock Program*) - Program Keusahawanan Ternakan Belia (Rancangan Malaysia Ke-9)
2. Pengembangan Ternakan termasuk memberi tunjuk ajar kepada penternak tentang kawalan penyakit, pengurusan ladang dan ekonomi ladang.
3. Perkhidmatan klinik dan ambulatori.





Cawangan itu kemudiannya diberi mandat untuk menjalankan peruntukan Akta Doktor Veterinar 1974 dan Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Makanan 1985. Ketua Cawangan Penternakan telah dilantik selepas penguatkuasaan Akta Doktor Veterinar 1974.

Cawangan ini telah dinaiktaraf ke Bahagian Veterinar pada tahun 2000 untuk melaksanakan peruntukan dalam Akta berikut;

- Akta Doktor Veterinar 1974
- Akta Makanan 1983 (Akta 281)
- Peraturan Makanan 1985
- Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999
- Akta Makanan Haiwan 2009
- Akta Kebajikan Haiwan 2015
- Dasar Agro-Makanan Kebangsaan (NAP) 2011 - 2020

Kemudiannya, Bahagian Veterinar mengubah langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ternakan dengan menggubal program pembangunan ternakan kepada;

1. **AAK (Anak Ayam Kacukan)** - Pemberian anak ayam kepada orang kampung dan rumah panjang.
2. **LFU (Livestock Farm Unit)** - Unit Ladang Ternakan dengan bantuan RM1,000 seunit.
3. **LCU (Livestock Commercial Unit)** - Unit Komersial Ternakan dengan Bantuan RM10,000 seunit.
4. **CPP (Cattle Pawah Programme)** - Dikhaskan kepada estet syarikat atau individu kelapa sawit. Bermula dengan ternakan lembu diedarkan secara pawah, kemudian ianya diperluaskan kepada ternakan kambing.
5. **BEP (Buffalo Entrepreneurship Programme)** - Program Keusahawanan Kerbau ini dikhaskan untuk penternak-penternak Kerbau di Bahagian Limbang.

Pada 19 Mei 2016 kelulusan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak telah dipersetujui untuk melaksanakan fungsi teras dan tanggungjawab perkhidmatan. Kerja-kerja berkaitan cadangan untuk menubuhkan jabatan itu bermula tidak lama kemudian, dan pada 25 Januari 2017 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) telah ditubuhkan.



Remember diamond is created under pressure so hold on, it will be your time to shine soon.

DVS SARAWAK
IS THAT DIAMOND.





**LAPORAN BAHAGIAN
CAWANGAN DAN SEKSYEN
IBU PEJABAT**

BAB 02



LAPORAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
KOMODITI TERNAKAN

CATTLE PAWAH PROGRAMME (CPP)

PROGRAM PAWAH LEMBU

Program Pembangunan Industri Ternakan Negeri Sarawak bagi tempoh RMKe-12 adalah berlandaskan dasar kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan daging dan meningkatkan kadar saradiri daging lembu/kerbau ke 50% menjelang 2030. Membantu penternak untuk mendapatkan ternakan lembu dari baka yang berkualiti untuk tujuan pengeluaran lembu secara komersial. JPVS akan mengagihkan lembu pembiakbaka kepada penerima yang layak secara sistem pawah yang mana para penerima harus membayar balik dengan bilangan ternakan yang sama banyak kepada Jabatan dalam masa yang telah ditetapkan.

BUFFALO ENTREPRENEUR PROGRAMME (BEP)

PROGRAM USAHAWAN KERBAU

Penternakan kerbau merupakan aktiviti penternakan yang paling popular di kawasan utara negeri Sarawak terutamanya di Bahagian Limbang dan juga Bahagian Miri. Program ini adalah intervensi kerajaan bertujuan untuk meningkatkan populasi kerbau sedia ada sebanyak 6,000 ekor kepada 12,000 ekor menjelang tahun 2030 untuk meningkatkan pengeluaran daging dan seterusnya menyumbang kepada sasaran kadar saradiri daging lembu / kerbau sebanyak 50% pada tahun 2030 selaras dengan pelaksanaan Dasar Ternakan Ruminan Negara serta aspirasi SEAC negeri Sarawak. Membantu penternak kerbau progresif untuk meningkatkan populasi dan produktiviti ternakan di ladang dengan membekalkan baka bibit kerbau yang berkualiti secara pawah.

SALES OF LIVESTOCK PROGRAMME (SOL)

PROGRAM JUALAN TERNAKAN

Ladang ternakan memerlukan ternakan untuk tujuan pembiakbakaan bagi memastikan produktiviti ladang sentiasa dapat ditingkatkan. Pelbagai jenis ternakan dibekalkan untuk dijual kepada penternak pada harga yang berpatutan.

SMALL RUMINANT PAWAH PROGRAMME (SRPP) **PROGRAM PAWAH RUMINAN KECIL**

Berlandaskan dasar kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan daging, ke arah mencapai 50% tahap saradiri untuk daging kambing dan bebiri menjelang tahun 2030. Membangunkan usahawan dalam penternakan kambing secara intensif dan semi-intensif. Membantu penternak – penternak untuk mendapatkan ternakan kambing atau bebiri dari baka – baka yang berkualiti tinggi

LIVESTOCK BREEDER GRANT (LBG) **GERAN BAKA TERNAKAN**

Program Geran Baka Ternakan ini diperkenalkan untuk membolehkan penternak kecil luar bandar memulakan projek ternakan ruminan. Penduduk luar bandar yang mempunyai tanah yang belum diusahakan memerlukan bantuan untuk memulakan projek ternakan. Penternak kecil sedia ada yang memerlukan bekalan baka.

LIVESTOCK COMMERCIAL UNIT (LCU) **UNIT TERNAKAN KOMERSIAL**

Program ini merangkumi semua jenis ternakan dan semua jenis sistem perladangan ternakan. Peluang pasaran hendaklah diambilkira sebelum sebelum sesuatu projek itu diberikan kelulusan.

EDIBLE BIRD NEST INDUSTRY DEVELOPMENT PROGRAMME (EIDP) **PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI SARANG BURUNG WALET**

Program ini adalah untuk mengembangkan projek burung walet sedia ada yang berpotensi, penambahbaikan infrastruktur, fasiliti premis dan peningkatan biosekuriti. Program ini meliputi setiap jenis premis burung walet buatan manusia yang sesuai.

STESEN TERNAKAN SUNGAI PINANG SIMUNJAN

Stesen ternakan ini ditubuhkan pada tahun 1996 di batu 68, Jalan Kuching, Sri Aman. Populasi rusa pada peringkat awalnya adalah 15 ekor jantan dan 100 ekor betina majoritinya dari spesies *Cervus Temoransis*. Tujuan utama penubuhan stesen ini adalah untuk menghasilkan bilangan rusa yang mencukupi untuk tujuan pembiakan dan diagihkan kepada para petani. Keluasan tanah di stesen ternakan ini adalah 34 hektar (ha) dan 8.5 hektar (ha) telah dibangunkan. Spesies pastura yang ditanam di stesen ini adalah Gliricida dan Mulberry dan terdapat 16 di mana haiwan diberi makan sebanyak 100kg sehari dalam satu padok.



POPULASI 2020

KATEGORI	JUMLAH
JANTAN	15
BETINA	347
ANAK RUSA	79
JUMLAH	441



BANCIAN TERNAKAN RUSA 2020

BULAN	STOK AWAL BULAN						STOK SEMBELIH / KEMATIAN								DIPINDAH / DIJUAL (SOL))				STOK DITERIMA		BAKI HUJUNG BULAN					
	BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN BULANAN		AGGREGATE KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK				KELAHIRAN										BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN		JUMLAH	
	M	F	M	F	M	F	DISEMBELIH		MATI		DISEMBELIH		MATI		M	F	M	F	M	F	M	F				
							M	F	M	F	M	F	M	F									M	F		
JAN	16	381	0	0	3	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	16	381	3	5	405		
FEB	16	381	0	0	3	5	2	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	12	381	3	5	401		
MAC	12	381	0	0	3	5	0	0	0	0	0	0	0	0	5	15	0	0	7	366	3	5	381			
APR	7	366	5	5	3	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	7	366	8	10	391			
MEI	7	366	5	5	8	10	3	0	0	0	0	0	0	1	2	0	0	3	364	13	18	398				
JUN	3	364	12	5	13	18	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	364	25	23	375				
JUL	3	364	8	0	25	23	0	0	0	0	0	0	0	0	5	0	0	3	364	27	22	416				
OGOS	8	364	2	4	29	26	1	3	0	0	0	0	0	2	4	0	0	5	357	29	26	417				
SEP	5	357	0	0	27	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	11	357	27	30	425				
OCT	11	357	4	6	27	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	15	357	31	36	439				
NOV	15	357	0	0	31	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	15	357	31	36	439				
DIS	15	357	8	14	31	36	0	0	0	0	0	0	1	1	4	0	0	15	357	44	49	441				
JUMLAH	0	0	44	39	0	0	4	3	0	0	0	0	1	1	14	26	0	0	0	0	?	?	?			

STESEN TERNAKAN TEMUDOK SRI AMAN

Stesen ini ditubuhkan pada tahun 80-an dengan jumlah keluasan **29** hektar (ha) dan seluas **27** hektar (ha) kawasan telah dibangunkan. Manakala baki kawasan yang tinggal merupakan kawasan hutan dengan keluasan **2** hektar (ha). Fungsi stesen ini adalah sebagai pusat kuarantin untuk ruminan kecil yang diimport, pengeluaran bibit ternakan, latihan penternak, pengeluaran sumber benih, keratan pastura dan *fodder*, langkah sangkut / latihan luar kampus dan lawatan sambil belajar.





POPULASI HAIWAN DI STESEN TEMUDOK

BIL	SPESIS	JUMLAH
1	BEBIRI	383
2	KAMBING BOER	25
3	KAMBING KACUKAN	18
	JUMLAH	426

BANCIAN TERNAKAN BEBIRI DI TEMUDOK

BULAN	STOK AWAL BULAN						STOK SEMBELIH / MATI								BAKI HUJUNG BULAN				JUMLAH
	BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN BULANAN		AGGREGATE KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK				KELAHIRAN				BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN		
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
JAN	31	187	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	31	187	10	9	237
FEB	31	187	0	0	0	0	0	0	1	2	0	0	0	2	30	185	10	7	232
MAC	30	185	0	3	0	3	0	0	1	0	0	0	1	3	29	185	9	7	230
APR	29	185	7	7	7	10	0	0	0	0	0	0	3	1	29	185	13	13	240
MEI	29	185	2	5	9	15	1	0	1	3	0	0	3	0	27	182	12	18	239
JUN	27	182	0	0	9	15	0	0	0	3	0	0	1	0	27	179	11	18	235
JUL	27	179	6	5	15	20	0	0	1	5	0	0	3	2	26	174	14	21	235
OGOS	26	174	1	0	16	20	0	0	0	2	0	0	1	0	26	172	14	21	233
SEP	26	172	2	1	18	21	0	0	0	0	0	0	0	0	36	262	16	22	336
OKT	36	262	5	2	23	23	0	0	0	0	0	0	0	0	36	262	21	24	343
NOV	36	262	14	8	37	31	0	1	1	1	0	0	0	0	35	260	35	32	362
DIS	35	260	14	7	51	38	0	0	0	0	0	0	0	0	35	260	49	39	383
JUMLAH			51	38			1	1	5	16	0	0	12	8	35	260	49	39	383

BANCIAN TERNAKAN KAMBING DI TEMUDOK

BULAN	STOK AWAL BULAN						STOK SEMBELIHAN / KEMATIAN								BAKI HUJUNG BULAN				JUMLAH
	BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN BULANAN		AGGREGATE KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK				KELAHIRAN				BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN		
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
JAN	3	2	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2	2	0	0	4
FEB	2	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	0	0	4
MAC	2	2	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	2	0	0	2
APR	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	2
MEI	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	2
JUN	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	2
JUL	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	42	0	0	49
OGOS	5	42	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	5	40	0	0	47
SEP	5	40	0	0	0	0	0	0	1	2	0	0	0	0	4	23	0	0	27
OKT	4	23	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	3	22	0	0	25
NOV	3	22	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	22	0	0	25
DIS	3	22	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	22	0	0	25
JUMLAH			0	0			1	0	5	4	0	0	12		3	22	0	0	25

STESEN TERNAKAN LAYAR BETONG

Stesen ini ditubuhkan pada tahun 1991 dan mula beroperasi pada tahun 1992 dengan jumlah kambing sebanyak 518 ekor terdiri daripada 44 ekor jantan dan 474 ekor betina. Jarak stesen ini adalah 10 km dari Bandar Betong yang terletak di Sungai Antu, Layar.



Jumlah keluasan stesen adalah 123 ekar dan 103 ekar telah dibangunkan. Stesen ini mempunyai padang rumput seluas 85 ekar dan sistem penggiliran putaran diamalkan di mana spesies rumput yang boleh didapati di sini termasuk rumput isyarat, *humidicola* dan *napier*. Terdapat 74 padok dengan keluasan 7.5 ekar dan sistem potong dan angkut diamalkan. Stesen Layar adalah sebahagian daripada LIAS (Stesen Pertanian Bersepadu Layar) dan berfungsi untuk unit pembiakan kambing, taman haiwan untuk *agritourism* dengan penggabungan spesies haiwan lain dan sebagai tempat latihan bagi petani mengenai pengurusan ternakan.

POPULASI TERNAKAN DI STESEN LAYAR BETONG

BIL	KATEGORI	EKOR
1	DORPER MIX BBB (TEMPATAN / BAYAR BALIK)	84
2	BOER (BAYAR BALIK)	45
JUMLAH		129



BANCIAN TERNAKAN DI STESEN LAYAR BETONG (DORPER MIXED)

BULAN	STOK AWAL BULAN						STOK SEMBELIH / MATI								BAKI HUJUNG BULAN				JUMLAH
	BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN BULANAN		AGGREGATE KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK				KELAHIRAN BULANAN				BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN		
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
JAN	6	29	0	0	7	5	0	0	0	0	0	0	0	0	6	29	7	5	47
FEB	6	29	2	3	9	8	0	0	0	2	0	0	0	0	6	27	9	8	50
MAC	6	27	0	0	9	8	0	0	0	0	0	0	0	0	6	27	9	3	45
APR	6	27	0	0	9	3	0	0	0	0	0	0	0	0	6	27	9	3	45
MEI	6	27	0	0	9	3	0	0	0	0	0	0	0	0	6	27	9	3	45
JUN	6	27	0	0	9	3	0	0	0	0	0	0	0	0	6	27	9	3	45
JUL	6	27	0	0	9	3	0	0	0	0	0	0	0	0	10	28	9	3	50
OGOS	10	28	4	6	13	9	0	0	0	0	0	0	0	0	10	28	13	9	60
SEP	10	28	3	0	16	9	0	0	0	0	0	0	0	0	10	28	16	9	63
OKT	10	28	0	0	16	9	0	0	0	1	0	0	0	0	10	27	16	9	62
NOV	10	27	2	0	18	9	0	0	0	0	0	0	0	0	20	37	18	9	84
DIS	20	37	0	0	18	9	0	0	0	0	0	0	0	0	20	37	18	9	84
JUMLAH			11	9	18	9	0	0	0	3	0	0	0	0					

BANCIAN TERNAKAN DI STESEN LAYAR BETONG (BOER)

BULAN	STOK AWAL BULAN						STOCK SEMBELIH / MATI								BAKI HUJUNG BULAN				JUMLAH
	BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN BULANAN		AGGREGATE KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK				KELAHIRAN BULANAN				BAKA PEMBIAK		KELAHIRAN		
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	
JAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
FEB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
MAC	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
APR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
MEI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	50	0	0	51
JUL	1	50	0	0	0	0	0	0	1	5	0	0	0	0	0	45	0	0	45
OGOS	0	45	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	27	0	0	27
SEP	0	27	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	14	0	0	19
OKT	5	14	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	5	13	0	0	18
NOV	5	13	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	10	37	0	0	46
DIS	10	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8	37	0	0	45
JUMLAH					0	0	0	0	1	8	0	0	0	0					

PUSAT TERNAKAN KARABUNGAN (1976)

BIL	PERKARA	SAIZ (HA)	CATATAN
1	PADOK LEMBU A/B/C	75.0	GIANT PASPALUM –REVERTED TO SECONDARY FOREST
2	PEJABAT DAN STOR	2.5	UP-GRADING
3	PUSAT LATIHAN VETERINAR DAN KUARTERS	3.0	UP-GRADING
4	POLTRI (EX)	3.0	CLOSED 2017
5	ITIK (EX)	1.0	CLOSED-REVERTED TO SECONDARY FOREST
6	BABI	2.0	MAJOR RESTORATION / REPAIR
7	PADOK (EX KAMBING)	44.5	CLOSED-REVERTED TO SECONDARY FOREST
8	PADOK (EX RUSA)	3.0	CLOSED
	JUMLAH	134.0	

OBJEKTIF STESEN

BIL	PERANAN
1	PRODUKSI TERNAKAN (BALINESE DAN BABI KACUKAN)
2	PEMERHATIAN / PERCUBAAN LADANG (TERNAKAN, PASTURA DAN FODDER)
3	PENYELIDIKAN DAN PENGEMBANGAN
4	LATIHAN / KURSUS PENTERNAK

POPULASI HAIWAN 2020

BIL	SPESIS	BETINA	PRODUKSI TAHUNAN	JUMLAH PRODUKSI TERCAPAI
1	BABI KACUKAN	35	350	335
	BABI HUTAN	2	0	0
2	LEMBU BALI	94	56	85

BANCIAN TERNAKAN LEMBU BALI DI KARABUNGAN 2020

BULAN	AWAL BULAN				BIL. BN BULANAN		BIL. MATI / SEMBELIH / DIJUAL				HUJUNG BULAN				JUMLAH
	BDR		FB		M	F	BDR		FB		BDR		FB		
	M	F	M	F			M	F	M	F	M	F	M	F	
JAN	31	94	5	3	2	1	1	0	1	0	30	94	6	4	134
FEB	30	94	6	4	7	2	0	0	0	1	30	94	13	5	142
MAC	30	94	13	5	6	5	0	0	0	0	30	94	19	10	153
APR	30	94	19	10	1	3	0	0	0	0	30	94	20	13	157
MEI	30	94	20	13	2	1	0	1	0	0	30	93	22	14	159
JUN	30	93	22	14	1	3	1	0	0	0	29	93	23	17	162
JUL	29	93	23	17	3	2	0	0	0	0	29	93	26	19	167
OGOS	29	93	26	19	4	3	0	0	0	0	29	93	30	22	174
SEPT	29	93	30	22	3	2	0	0	1	0	29	93	32	24	178
OKT	29	93	32	24	7	5	1	0	0	0	28	93	39	29	189
NOV	28	93	39	29	6	3	0	0	0	0	28	93	45	32	198
DIS	28	93	45	32	7	6	0	0	0	0	28	93	52	38	211
JUMLAH					49	36	3	1	2	1					



BANCIAN TERNAKAN BABI DI KARABUNGAN 2020

BULAN	AWAL BULAN			BIL. KELAHIRAN BIBIT BABI		MATI / SEMBELIH / PELUPUSAN / HAIWAN UNTUK LATIHAN					HUJUNG BULAN				JUMLAH
	B	S	G	M	F	B	S	G	W	P	B	S	G	P	
CTG															
JAN	16	16	19	16	13	2	2	0	0	5	14	14	19	24	71
FEB	14	14	19	23	44	1	1	0	0	17	13	13	19	74	119
MAC	13	13	19	3	3	0	0	0	0	6	13	13	19	74	119
APR	13	13	19	33	29	0	0	0	0	28	13	13	19	108	153
MEI	13	13	19	11	17	3	0	0	0	52	13	13	19	84	129
JUN	10	22	10	16	10	1	0	0	0	81	9	28	0	29	66
JUL	9	32	0	0	0	1	0	0	0	23	9	32	0	6	47
OGOS	9	32	0	11	16	0	0	0	0	4	9	32	0	29	70
SEPT	9	25	0	7	10	0	7	0	0	27	9	25	0	19	53
OKT	9	25	0	22	9	2	0	0	0	27	7	25	0	23	55
NOV	7	25	10	9	16	2	0	0	0	48	7	25	10	0	42
DIS	7	25	10	8	9	0	0	0	0	5	7	25	10	12	54
JUMLAH				159	176					335					



RINGKASAN PENCAPAIAN TAHUN 2020

RANCANGAN MALAYSIA KE 11					
SPESES	2016	2017	2018	2019	2020
LEMBU	52	111	122	162	211
BABI KACUKAN	NA	52	68	87	42
SASSO	3152	CLOSED	0	0	0
LATIHAN					
RUMINAN	NA	61	56	49	94
BUKAN RUMINAN	NA	58	49	45	72

STESEN TERNAKAN KERBAU BATU DANAU LIMBANG



Stesen ini ditubuhkan pada tahun 1987 dan terletak di Kampung Medait, 35 km dari Bandar Limbang. Pada peringkat awal, stesen ini merupakan sebuah stesen untuk Skim Kelapa Sawit pekebun kecil sebelum dijadikan stesen ternakan. Keluasan stesen adalah 36 hektar (ha) dan 29 hektar (ha) telah dibangunkan sebagai padang rumput iaitu rumput tempatan seluas 2.2 hektar (ha) dan rumput *Napier* seluas 0.2 hektar (ha).

OBJEKTIF

Tujuan utama penubuhan stesen adalah untuk pembiakan Kerbau *Murrah* dan untuk menyediakan anak kerbau kepada petani tempatan untuk pembiakan kacukan dengan kerbau sawah tempatan. Selain itu, stesen ini juga berperanan sebagai pusat penyimpanan kerbau dan pusat pengedaran pembiakan kerbau di Limbang.

BANCIAN TERNAKAN KERBAU MURRAH DI STESEN BATU DANAU

BULAN	AWAL BULAN						STOK SEMBELIH / MATI												BAKI HUJUNG BULAN						JUMLAH								
	BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		AGGREGAT KELAHIRAN BULANAN		KELAHIRAN BULANAN (BAKA PEMBIAK STESEN)		KELAHIRAN BULANAN (STOK DITERIMA)		STOK BULANAN DITERIMA		BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		JUMLAH KELAHIRAN LADANG - STOK BAKA PEMBIAK & STOK DITERIMA										
	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI									
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F									
JAN	6	9	0	0	4	6																			6	9	0	0	4	6	25		
FEB	6	9	0	0	4	6																				6	9	0	0	4	6	25	
MAC	6	9	0	0	4	6	1																			6	9	0	0	4	7	26	
APR	6	9	0	0	4	7							1													6	8	0	0	4	7	25	
MEI	6	8	0	0	4	7							1													6	7	0	0	4	7	24	
JUN	6	7	0	0	4	7							1													5	7	0	0	4	7	23	
JUL	5	7	0	0	4	7																	2			5	7	0	0	2	7	21	
OGOS	5	7	0	0	2	7	1						1						1	1					5	6	0	0	1	7	19		
SEP	5	6	0	0	1	7																				5	10	0	0	1	3	19	
OKT	5	10	0	0	1	3																				5	10	0	0	1	3	19	
NOV	5	10	0	0	1	3	1																			5	10	0	0	2	3	20	
DIS	5	10	0	0	2	3																				5	10	0	0	2	3	20	
JUMLAH							1	2	0	0	0	0	0	0	0	0	1	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	1	

BANCIAN TERNAKAN KERBAU SAWAH DI STESEN BATU DANAU

BULAN	AWAL BULAN						STOK SEMBELIH / MATI												PINDAH / JUAL				BAKI HUJUNG BULAN						JUMLAH									
	BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		AGGREGAT KELAHIRAN BULANAN		STOK BULANAN DITERIMA		BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		KELAHIRAN BULANAN		BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		BAKA PEMBIAK		STOK DITERIMA		JUMLAH KELAHIRAN LADANG - STOK BAKA PEMBIAK & STOK DITERIMA															
	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI	SEM BELIH	MATI														
	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F	M	F														
JAN			8	27			50																											8	77	85		
FEB			8	77									1																					8	76	84		
MAC			8	76									4															1	27					7	45	52		
APR			7	45									2																						7	43	50	
MAY			7	43																																7	35	42
JUN			7	35									6																						7	29	36	
JUL			7	29																															7	29	36	
OGOS			7	29																																7	29	36
SEP			7	29																								1							6	29	35	
OKT			6	29																								2							4	29	33	
NOV			4	29																																4	29	33
DIS			4	29																																4	29	33
JUMLAH							0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	35							

STESEN TERNAKAN KERBAU MARAGANG LAWAS



